



HUKUM MAD DALAM ILMU TAJWID: SOROTAN LITERATUR DAN ANALISIS PENGUASAAN PEMBACAAN AL-QURAN

THE RULES OF MAD IN TAJWID: A LITERATURE REVIEW AND ANALYSIS OF QUR'AN RECITATION PROFICIENCY

Syamimi Md Salleh^{1*}, Sabri Mohamad²

- ¹ Pelajar Sarjana Pusat Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: syamimi@kuijsi.edu.my
- ² Pensyarah Universiti, Pusat Kajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: sabri_m@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.10.2025
Revised date: 13.11.2025
Accepted date: 26.11.2025
Published date: 09.12.2025

To cite this document:

Md Salleh, S., & Mohamad, S. (2025). Hukum Mad Dalam Ilmu Tajwid: Sorotan Literatur Dan Analisis Penguasaan Pembacaan Al-Quran. *International Journal of Modern Education*, 7 (28), 487-502.

DOI: 10.35631/IJMoe.728036

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan perbincangan tentang Hukum Mad. Hukum Mad merupakan salah satu komponen utama dalam ilmu tajwid yang memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan bacaan al-Quran serta kelestarian lafaz sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Perbincangan mengenainya bukan sekadar aspek teknikal bacaan, tetapi juga merangkumi dimensi syar'i kerana ia berkait langsung dengan kesempurnaan ibadah, khususnya solat dan ketepatan bacaan al-Quran. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep Hukum Mad dalam ilmu tajwid berdasarkan sorotan literatur klasik dan kontemporari serta menilai kepentingannya terhadap penguasaan pembacaan al-Quran. Penulisan ini menggunakan pendekatan sorotan literatur yang merangkumi karya ulama terdahulu, selain rujukan ilmiah semasa daripada kajian akademik dalam bidang tajwid dan qiraat. Perbincangan dimulakan dengan penjelasan konsep asas Hukum Mad, pembahagian dan jenis-jenisnya, dalil dan kepentingan, diikuti analisis tentang peranan pengetahuan dan amalan dalam mempengaruhi tahap penguasaan bacaan. Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan Hukum Mad memerlukan bukan sahaja kefahaman teori, tetapi juga latihan praktikal secara berterusan. Penguasaan yang lemah terhadap hukum ini bukan sahaja menjejaskan ketepatan bacaan, bahkan boleh memberi kesan terhadap kesempurnaan ibadah. Artikel ini menegaskan bahawa penguasaan Hukum Mad perlu diberi perhatian serius dalam kurikulum pengajian al-Quran, khususnya dalam

konteks pendidikan tinggi Islam, bagi melahirkan generasi celik al-Quran yang berkemahiran dan berautoriti dalam bacaan.

Kata Kunci:

Penguasaan bacaan al-Quran; Ilmu Tajwid; Qiraat Hafs 'An 'Asim; Hukum Mad; Pengetahuan dan Amalan Hukum Mad.

Abstract:

This article discusses the discourse on The ḥukm al-mād (vowel elongation) in Quranic recitation. The ḥukm al-mād constitutes one of the principal components in the science of tajwīd, playing a vital role in ensuring the precision of Qur'ānic recitation and the preservation of pronunciation as taught by the Prophet Muḥammad (peace be upon him). The discourse concerning it extends beyond the technical aspects of articulation to encompass a shar'ī dimension, as it is directly related to the perfection of worship, particularly in ṣalāh and the accuracy of Qur'ānic recitation. This article aims to analyse the concept of ḥukm al-mād within the discipline of tajwīd based on both classical and contemporary literature, and to assess its significance in mastering the recitation of the Qur'ān. The study employs a literature review approach that encompasses the works of earlier scholars as well as contemporary academic studies in the fields of tajwīd and qirā'āt. The discussion begins with an exposition of the fundamental concept of ḥukm al-mād, its classifications and types, the evidences and importance attached to it, followed by an analysis of the role of theoretical knowledge and practical application in influencing the level of mastery in recitation. The findings indicate that mastery of ḥukm al-mād requires not only theoretical understanding but also consistent and continuous practical training. Weak mastery of this rule not only affects the accuracy of recitation but may also impact the perfection of worship. This article asserts that the mastery of ḥukm al-mād must be given due emphasis within the Qur'ānic education curriculum, particularly in the context of Islamic higher learning institutions, in order to produce a Qur'ān-literate generation who are both skilled and authoritative in their recitation.

Keywords:

Mastery of Qur'ānic Recitation; Science of Tajwīd; Qirā'ah of Hafs 'an 'Āsim; Ḥukm al-Mād (Rule of Elongation); Knowledge and Practice of Ḥukm al-Mād.

Pengenalan

Al-Quran merupakan sumber bacaan utama umat Islam. Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW sebagai mukjizat terbesar dan petunjuk utama kehidupan manusia. Ia mengandungi panduan menyeluruh yang mencakupi aspek akidah, syariah dan akhlak, serta menjadi rujukan tertinggi dalam membimbing umat Islam ke arah kebenaran. Firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَيِّنُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۙ

Maksudnya :

“Sesungguhnya al-Quran ini memberikan petunjuk kepada jalan yang lebih lurus serta membawa berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh bahawa bagi mereka pahala yang besar.”
(Surah al-Isra’ (17): ayat 9)

Kedudukan al-Quran yang tinggi ini menjadikan pembacaannya satu bentuk ibadah yang bukan sahaja berpahala (al-Nawawi, 2017), bahkan juga menuntut pemeliharaan dari segi lafaz, makhraj dan hukum bacaan. Antara elemen terpenting dalam memastikan bacaan yang tepat ialah penguasaan ilmu tajwid, iaitu ilmu yang membincangkan kaedah membaca al-Quran dengan betul dan tepat sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW (Ibn al-Jazari 1935). Asas kepada ilmu ini termasuklah Hukum Mad, yang merujuk kepada pemanjangan suara pada huruf tertentu mengikut kaedah dan kadar bacaan yang telah ditetapkan.

Hukum Mad bukan sekadar aspek teknikal bacaan, tetapi memainkan peranan penting dalam mengekalkan keaslian lafaz al-Quran sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, memelihara keindahan dan ketepatan bahasa Arab serta mengelakkan perubahan makna akibat kesalahan panjang pendek bacaan seperti *mufrad* atau *jama’*. Menurut Ibn al-Jazari, membaca al-Quran secara bertajwid adalah kewajipan (*ḥatm lāzim*), dan sesiapa yang mengabaikannya sedangkan dia mampu mempelajarinya dianggap berdosa (Ibn al-Jazari, 2009). Pandangan ini menunjukkan bahawa Hukum Mad bukan sekadar pelengkap bacaan, tetapi sebahagian daripada tanggungjawab syar’i setiap Muslim untuk menyempurnakannya bagi yang hendak membaca al-Quran.

Kepentingan Hukum Mad juga berkait langsung dengan kesempurnaan ibadah, terutamanya solat. Bacaan surah al-Fatihah dan surah-surah lain yang mengandungi hukum ini termasuk dalam rukun qauli (perkataan) yang menjadi syarat sah solat. Kesalahan dalam membaca Hukum Mad sehingga mengubah makna ayat boleh menyebabkan bacaan tidak sah, bahkan berpotensi membatalkan solat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2024). Oleh itu, penguasaan hukum ini menjadi keperluan asas kepada setiap Muslim, bukan sahaja bagi tujuan tilawah semata tetapi juga sebagai pelengkap ibadah yang sempurna.

Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap hukum ini masih berada pada tahap yang membimbangkan sehingga menyebabkan kelemahan dalam bacaan al-Quran. Kajian Zainora et al. (2018) menunjukkan pelajar pengajian Islam di sekolah Tahfiz swasta dalam aliran Tahfiz al-Quran berdepan dengan cabaran dalam membezakan kadar panjang bacaan Hukum Mad ‘*Aridh li al-Sukun* dengan tepat. Kesan penguasaan yang lemah diperingkat rendah dan menengah ini akan memberikan impak terhadap penguasaan pelajar di peringkat tinggi (Hasani Ghazali & Rosmawati Razak, 2023).

Dalam konteks pendidikan tinggi, isu ini lebih signifikan apabila pelajar Islam diharapkan memiliki kecekapan membaca al-Quran secara sahih dan bertajwid sebagai asas kepada disiplin ilmu lain. Namun, masih tidak mampu juga menguasai dengan baik. Ini dibuktikan oleh beberapa pemerhatian awal dari kajian terdahulu seperti kajian Norita Abd Azizi et al. (2021), “*Penguasaan Bacaan Al-Quran Menerusi Tahsin al-Quran*”, terhadap para pelajar Politeknik Kuching, kajian Muhammad Al Afiq Amiruddin & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima’ain (2024) dalam kajian “*Level of Quranic Tajwid Knowledge among Universtity Teknologi Malaysia (UTM) Students*” yang memfokuskan pelajar Fakulti Pendidikan, UTM dan kajian Syahazizamir & Fatin Ardani (2024) yang menjalankan kajian “*Enhancing Al-Quran Reading*

Proficiency in Higher Education: The implementation of the Focused Mad & Idgham Technique” terhadap pelajar Program Pendidikan Islam, Universiti Malaysia Sarawak (UMS).

Selain itu, terdapat juga kekeliruan dalam riwayat *Hafş ‘an ‘Āsim*, terhadap kadar bacaan Hukum Mad yang tepat (Fairuz A. Adi et al, 2018). *Tarīq* (jalur) bacaan *Hafş ‘an ‘Āsim* yang merupakan bacaan utama di Malaysia dan majorti umat Islam mempunyai 52 *tarīq* secara keseluruhannya berdasarkan Ibn al-Jazari, manakala 57 *tarīq* berdasarkan Syekh adl-Dhobba dan salah satu daripadanya adalah *tarīq* as-Syātibīyyah (Abd Muhaimin Ahmad et al., [t.t]). Kekeliruan dan percampuran antara *tarīq* adalah sebuah keaiban bagi pembaca al-Quran dan sangat ditegah dalam bacaan al-Quran (Sumaiyah Ramli et al., 2022).

Ketidakcekapan dalam bacaan al-Quran khususnya dalam hukum ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran bacaan dan ibadah, malah memberi kesan kepada aspek pengajaran, penyampaian dakwah dan autoriti keilmuan mereka sebagai bakal ilmunan Islam yang akan turun kelapangan professional seperti imam, bilal dan guru. Sekiranya mereka memilih dalam bidang pendidikan, khususnya sebagai guru al-Quran, keperluan itu bukan sahaja dari penguasaan dari sudut teori semata, tetapi juga praktikal bacaan yang tepat (Anuar Hasin et al. 2020). Justeru, keperluan untuk menguasai hukum ini secara teori dan praktikal perlu diberi perhatian serius dalam kurikulum pengajian al-Quran.

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan konsep teori hukum Mad berdasarkan sumber klasik dan kontemporari dalam ilmu tajwid selain membahaskan jenis dan pecahan hukum Mad serta kadar bacaan menurut *tarīq as-Syātibīyyah* riwayat *Hafş ‘an ‘Āsim*. Disamping itu juga, artikel ini cuba meneliti dalil dan kepentingan hukum Mad dalam konteks pemeliharaan keaslian bacaan al-Quran dan ketepatan lafaz serta menganalisis tahap penguasaan teori dan praktikal hukum Mad sebagaimana dibincangkan dalam kajian dan pandangan sarjana terdahulu. Sorotan literatur ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan bidang kajian tajwid serta menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan dalam pendidikan al-Quran di institusi pengajian tinggi Islam.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk kajian kualitatif terhadap sumber-sumber terdahulu daripada buku-buku karangan ulama klasik dan koterporori dalam membina teori konsep, pembahagian, jenis dan dalil berkaitan Hukum Mad. Disamping itu, pengkaji juga menggunakan rujukan kajian terdahulu berdasarkan lapang tahun kebelakangan bermula daripada tahun 2018 sehingga terkini yang menfokuskan kepada tajuk utama kajian terhadap penguasaan membaca al-Quran secara umum dan Ilmu Tajwid serta Qiraat yang mengupas tentang Hukum Mad secara khusus melalui pencarian terbuka di dalam *Google Scholar* dan beberapa lama utama ipt tempatan dan Indonesia.

Sorotan Literature

Hasil analisis pengkaji dipecahkan kepada lima pecahan utama iaitu konsep Hukum Mad dalam Ilmu Tajwid, pembahagian dan jenis-jenis Hukum Mad, dalil dan kepentingan penguasaan Hukum Mad, pengetahuan dan amalan dalam penguasaan Hukum Mad serta perbincangan dan analisis.

Konsep Hukum Mad dalam Ilmu Tajwid

Ilmu tajwid merupakan asas kepada bacaan al-Quran yang sahih kerana ia memastikan setiap huruf dibaca dengan makhraj, sifat dan hukum yang betul. Antara komponen penting dalam ilmu ini ialah Hukum Mad, yang dari segi bahasa bermaksud penambahan atau pemanjangan sesuatu ('Abd al-Razak Ali Musa, 1997). Manakala dari segi istilah, *Mad* ialah pemanjangan suara dengan huruf daripada huruf-huruf *Mad* atau dengan huruf daripada huruf-huruf *Lin* (al-Marsofiy, n.d.). Kaedah pemanjangan suara ini boleh diukur dengan cara bukaan dan tutupan gengaman jari mengikut kelajuan bacaan pembaca al-Quran.

al-Hudri (1995) dan al-Jamzuri (n.d.) menyatakan bahawa huruf Mad ada tiga iaitu huruf *Alif* (ا) sebelumnya berbaris atas (*fathah* : َ) contohnya : قَالَ, huruf *Wau* (و) sebelumnya berbaris depan (*dhammah* : ُ) contohnya : يُقُولُ, dan huruf *Ya* (ي) sebelumnya berbaris bawah (*kasrah* : ِ) contohnya : قِيلَ. Manakala huruf *Lin* pula ada dua iaitu huruf *Wau* (و) dan huruf *Ya* (ي) sebelumnya berbaris atas (*fathah* : َ) contohnya : الْبَيْتُ dan حَوْفٌ.

Pecahan daripada dua jenis huruf di atas akan lahirilah beberapa cabang pecahan Hukum Mad yang mempunyai ciri-ciri khas bagi setiap jenis dengan sebab yang khusus sehingga terjadinya kepelbagaian kaedah dan kadar panjang bacaan (an-Nadawi, 2010). Pemanjangan ini tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk memelihara riwayat bacaan yang sama diterima oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana penurunan al-Quran, sekali gus memelihara kesuciaan dan ketepatan bacaan al-Quran sebagai *Kalam* Allah SWT.

Dalil & Kepentingan Penguasaan Hukum Mad

Hukum Mad telah dibahasakan secara terperinci oleh para ulama al-Quran sejak zaman awal Islam. Firman Allah SWT :

...وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ؕ

Maksudnya :

“ ... dan bacalah Al-Quran dengan tartil (bertajwid). ” (Surah Al-Muzammil (73): ayat 4)

Tartil didefinisikan oleh al-Mawardi sebagai susunan bacaan al-Quran yang tepat, kemas dan tertib sebagaimana susunan gigi yang kemas dan teratur (Muhammad Syukri Zahari et al., 2020). Penegasan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa menjaga hukum tajwid, termasuk Hukum Mad, merupakan sebahagian daripada tuntutan *tartil* tersebut. Ibn al-Jazari (1998) dalam karya *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr* menegaskan bahawa penguasaan Hukum Mad termasuk dalam syarat kesempurnaan *tartil*. Pemeliharaan kadar panjang bacaan huruf mad mengikut ketetapan yang benar akan memastikan keaslian lafaz dan makna al-Quran terpelihara, tertib, teratur dan tidak menyimpang daripada bentuk asal sehingga mengubah maknanya.

Selain itu juga, terdapat hadis daripada Anas bin Malik RA ketika beliau ditanya mengenai kaedah bacaan Nabi Muhammad SAW terhadap Surah al-Fatihah ayat pertama, beliau berkata:

كانت مداء، ثم قرأ : بسم الله الرحمن الرحيم. (يُمد بيسم الله، ويمد بالرحمن، ويمد بالرحيم).¹

Maksudnya : “Sesungguhnya (Nabi Muhammad SAW) memanjangkan bacaan (Huruf Mad) dengan panjang (kadar bacaan Hukum Mad).” Kemudian beliau (Anas) membaca : بسم الله الرحمن الرحيم (memanjangkan pada huruf lam pada Lafaz Allah, Mim pada lafaz ar-Rahman, dan huruf ha pada lafaz ar-Rahim).

Berdasarkan dalil di atas, menjadi asas kepada keperluan dalam penguasaan Hukum Mad bagi memastikan bacaan al-Quran mencapai tahap kesahihan (*sihah*) dan ketepatan (*salāmah*) sekaligus memelihara susunan lafaz dan makna. Selain itu juga, ini menjadi bukti bahawa bacaan Hukum Mad ini dipindahkan daripada bacaan Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat dan diriwayatkan secara mutawatir daripada sahabat sehingga sampai kepada kita pada hari ini. Ia tidak berubah dan kekal sebagaimana bacaan baginda nabi SAW (Ahmad Kalid Syukri et al., 2003).

Kesalahan dalam memanjangkan bacaan boleh membawa kepada penyimpangan riwayat dan tidak menepati sebagaimana bacaan baginda nabi SAW. Pada sebahagian keadaan, yang melibatkan rangkaian kata tunggal atau banyak, boleh menyebabkan perubahan maksud ayat, bahkan dalam sesetengah keadaan boleh membawa kepada penyelewengan makna (al-Zuhayli, 2008). Al-Sakhawi (1987) menegaskan bahawa bacaan yang tidak memenuhi Hukum Mad adalah bacaan yang *naqis* (tidak sempurna) dan perlu diperbaiki. Bacaan yang betul dari aspek pemanjangan bukan sahaja memperelokkan suara dan memperindah *tilawah*, tetapi juga memelihara riwayat bacaan yang tepat. Oleh sebab itu, Hukum Mad bukan sahaja bersifat fonetik tetapi juga berkait dengan hukum syarak dalam konteks bacaan yang sahih apatah lagi yang dibawa dalam solat.

Kepentingan Hukum Mad juga dilihat dalam konteks pendidikan al-Quran. Penguasaan hukum ini menjadi asas kepada keberkesanan pengajaran Ilmu Tajwid di institusi pengajian atau pendidikan Islam. Kajian oleh Zainora et al. (2018) terhadap pelajar dalam bidang Tahfiz al-Quran mendapati bahawa pelajar yang menguasai Hukum Mad menunjukkan tahap bacaan yang lebih baik dan mampu membaca dengan ketepatan yang tinggi berbanding pelajar yang hanya menguasai teori asas. Hal ini menunjukkan hubungan rapat antara penguasaan teori Hukum Mad dengan kemahiran amali dalam pembacaan al-Quran yang seharusnya diberikan penekanan oleh semua pihak sama ada pengajar mahupun pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.


Pembahagian dan Jenis-Jenis Hukum Mad

Hukum Mad terbahagi kepada dua kategori utama iaitu *Mad Aşlī* dan *Mad Far‘ī*. *Mad Aşlī* juga dikenali sebagai *Mad Tabi‘i*, yang bermaksud pemanjangan suara tanpa sebab selain daripada huruf mad itu sendiri. Sebahagian ulama membahagikan *Mad Tabi‘i* ini kepada dua jenis iaitu *Mad Tabi‘i Harfi* (al-‘Anbatawiy, [t.t.]) dan *Kalimi* (al-Marsofiy, [t.t.]) yang kesemuanya dibaca dengan kadar panjang dua *harkat*.

¹ al-Bukhari. (n.d.). Sohih al-Bukhari. *Kitab Fadhail al-Quran*. Bab: *Mad al-Qiraah* (no. 5046)

Mad Aşlî Harfî berlaku pada *Hurf al-Muqatta'ah* di awal pembukaan surah (*fawatih al-Sur*) iaitu lima huruf *hijaiyyah* yang dihimpunkan : حى طهر. Ia kekal ketika *wasl* (sambung bacaan) atau *waqf* (berhenti bacaan). Contohnya, huruf Tho (ط) pada ayat pertama Surah Toha (al-'Anbatawiy, [t.t.]). Manakala *Mad Aşlî Kalimi*, terjadi di rangkai kata. Mad ini terpecah kepada tiga keadaan. Pertama, huruf mad kekal pada *wasl* atau *waqf* sama ada di tengah atau diakhir perkataan seperti *Mad Asli/Tabi'i*. Kedua, huruf mad kekal ketika *wasl* sahaja iaitu Mad Silah Sughra, Mad Tamkin dan Mad 'Aridh li al-Sukun (al-Marsofiy, [t.t.]).


Ketiga, huruf mad yang hanya kekal ketika *waqf* sahaja antaranya *Mad Iwadh*, huruf *Alif* bertanda *Dhomir Mustathil* (terkecuali ayat 16, Surah al-Insan : قَوَّارِيرًا), *tanwin maftuhah* pada *isim maqsurah* (هُدًى), *waqf* pada huruf *Mad Jaiz Munfasil* (بِمَا أُنْزِلَ), *Mad Aşlî* pada pertemuan dua huruf *mati* (*iltiqa al-sakinain*) yang dibuang bacaannya ketika *wasl* (Surah al-Naml, ayat 15 : قَالَا الْحَمْدُ), *waqf* pada huruf *wau* dan *ya* yang berbaris, sebelumnya mengikut baris kaedah *Mad Aşlî* (وَهُوَ) (Ahmad Khalid Syukri et.al, 2003). Pecahannya adalah sebagaimana



Rajah 1 : Pecahan bagi Hukum Mad Asli.

Sumber: Ahmad Kalid Syukri et al. (2003). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid* (Cet.2). Jordan: Toba'ah Mazidah wa Munqahah.

Kedua, *Mad Far'î* ialah pemanjangan suara terhadap huruf *Mad Aşlî* yang berlaku disebabkan oleh huruf hamzah atau tanda mati (*sukun*) (al-Jamzuri, [t.t.]; al-Hudri, 1995; Muhammad Makki Nashr, 1349H). Mad Muttasil, Mad Munfasil, Mad Badal dan Mad Silah Kubra adalah kategori *Mad Far'î* disebabkan oleh huruf hamzah. Manakala, *sukun* pula adalah Mad 'Aridh li al-Sukun, Mad Lin dan Mad Lazim (Harfî dan Kalimi). Pecahannya adalah sebagaimana



Sumber: Ahmad Kalid Syukri et al. (2003). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid* (Cet.2). Jordan: Toba'ah Mazidah wa Munqahah.

Setiap jenis mempunyai kadar pemanjangan tertentu yang perlu dipatuhi mengikut bacaan *ṭarīq* (jalur) qiraat. Setiap *ṭarīq* mempunyai kaedah bacaan tertentu. Sebagaimana yang diketahui, riwayat bacaan *Ḥafṣ 'an 'Āṣim* juga mempunyai perbezaan dalam pemanjangan Hukum Mad. Jadual 1 menunjukkan empat contoh bacaan Mad Muttasil dan Mad Munfasil daripada beberapa *ṭarīq* dari riwayat *Ḥafṣ 'an 'Āṣim* ketika *Wasl*. Satu *ṭarīq* dari *al-Syatibiyyah* dan tiga *ṭarīq* dari *al-Jazariah*.

Jadual 1 : Contoh Empat Perbezaan Kadar Panjang Bacaan Mad Muttasil dan Munfasil ketika *Wasl* Berdasarkan Riwayat *Ḥafṣ 'an 'Āṣim*

Bil.	Jenis Mad	<i>al-Syatibiyyah</i> Kitab Hirz al-Amani	<i>Al-Jazariah</i>		
			Kitab al-Misbah	Kitab Al-Wajiz	Kitab Al-Kamil
1.	Muttasil	4 / 5 harkat	4 harkat	5 harkat	6 harkat
2.	Munfasil	4 / 5 harkat	2 harkat	5 harkat	2 / 3 harkat

Sumber: an-Nadwi. (2010). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Ḥafṣ 'an 'Āṣim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah* (Cet. 4). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.

An-Nadawi (2010) menukikan daripada Imam Mustafa al-Azmiri menyatakan bahawa setiap bacaan hukum ini hendaklah selari mengikut setiap *ṭarīq* yang dipilih. Mengabungkan atau mencampuradukkan antara riwayat adalah haram dan ditegah. Sebahagian para ulama al-Quran berpendapat hukumnya adalah makruh yang boleh membawa kepada haram. Jadual 2 menunjukkan kadar panjang bacaan (harkat) bacaan *Mad Far'ī* mengikut jalur riwayat *Ḥafṣ 'an 'Āṣim* dari *ṭarīq al-syatibiyyah* (Ahmad Kalid Syukri et al., 2003). Hukum *Mad Far'ī* sebagaimana jadual 2 berikut :

Jadual 1 : Kadar Panjang Bacaan Hukum Mad *Far'ī*

Bil.	Jenis Mad	Kadar Panjang	Hukum
1	<i>Mad Muttasil</i>	4 atau 5	Wajib
		6 (<i>waqf</i> pada huruf hamzah berbaris)	Harus
2	<i>Mad Munfasil</i> dan <i>Mad Silah Kubra</i>	4 atau 5	Harus
3	<i>Mad Badal</i>	2	Harus
4	<i>Mad 'Aridh li al-Sukun</i> dan <i>Mad Lin</i>	2, 4 atau 6	Harus
5	<i>Mad Lazim</i>	6	Lazim

Sumber: Ahmad Kalid Syukri et al. (2003). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid* (Cet.2). Jordan: Toba'ah Mazidah wa Munqahah.

Ketepatan kadar ini hanya boleh diperoleh melalui proses *talaqqi* dan *musyafahah*, sebagaimana kaedah yang diamalkan oleh para sahabat dan tabi'in dalam mempelajari al-Quran. Selain itu, pembahagian Hukum Mad juga mencerminkan aspek pedagogi dalam ilmu tajwid. Penguasaan pelajar terhadap jenis-jenis Mad menunjukkan tahap kefahaman teori mereka, manakala kemampuan mempraktikkannya dalam bacaan menunjukkan tahap aplikasi amali. Hal ini menegaskan bahawa pembelajaran Hukum Mad tidak boleh terbatas pada penghafalan definisi semata-mata, tetapi perlu disertai dengan latihan bacaan yang konsisten.

Pengetahuan dan Amalan dalam Penguasaan Hukum Mad

Pengetahuan tentang Hukum Mad merupakan asas penting dalam penguasaan bacaan al-Quran secara bertajwid, yang meliputi aspek teori seperti definisi, pecahan, kadar panjang bacaan dan perbezaan riwayat qiraat. Penguasaan teori yang tepat membantu mengelakkan kekeliruan

aplikasi hukum ini dalam struktur dan konteks sebenar (Felza Zulhibri Abd Hamid & Nor Hafizi Yusof, 2015; Rifdah Farnidah et al., 2025).

Selain pengetahuan teori, amalan bacaan iaitu kemampuan pelajar mengaplikasikan hukum ini dengan tepat, juga memainkan peranan penting dalam memastikan penguasaan hukum ini secara menyeluruh. Seiring perkembangan teknologi, pengetahuan hukum ini diperkukuhkan melalui pembangunan modul dan aplikasi pembelajaran seperti *Magic Disc* (Neni Netriana & Annisaul Khairat, 2022), *Kit Mad 2-Long* (Jemat et al., 2024) dan *Cosine* (Munauwarah Munauwarah, 2024). Kefahaman teori ini menjadi landasan utama kepada pelajar untuk mengaplikasikan hukum tersebut dalam bacaan sebenar al-Quran secara tepat dan konsisten.

Kajian menunjukkan kelemahan dalam aspek ini sering berpunca daripada pendekatan pengajaran yang menekankan teori tanpa latihan praktikal mencukupi. Sesi pengajaran dan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai pendekatan seperti termasuk praktikal bacaan mampu meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran yang baik (Zainora Daud et al., 2018). Norita Abd Aziz et al. (2021) mendapati ramai pelajar gagal mengenal pasti jenis mad dengan tepat kerana kekurangan latihan berstruktur.

Kelemahan ini bukan sahaja berpunca daripada kekurangan teori, berdasarkan kajian Hasani Ghazali & Rosmawati Razak (2023), kurang latihan praktikal seperti *talaqqi* dan *musyafahah* bersama guru yang berautoriti (Muhammad Syukri Zahari et. al, 2020; Najihah Musa et al. 2022; Khairunnisa, 2023; Santri Nurul Hinayah, 2024), bahan pengajaran dan pembelajaran tidak efektif (A. Sa'dud Darain et.al, 2025) serta suasana persekitaran yang kurang kondusif (Santri Nurul Hinayah, 2024) juga menjadi faktor utama. Begitu juga faktor pedagogi tidak sistematik (Norita Abd Aziz et al., 2021), dan kelemahan penggunaan teknologi (Al-Fadhli et al., 2023) juga menjadi salah satu faktor.

Disamping itu, keperibadian pelajar itu sendiri juga dari sudut minat dan kemahuan memainkan peranan penting dalam penguasaan bacaan al-Quran dengan baik (Muhammad Syukri Zahari et. al, 2020). Selain latar belakang pendidikan dan pengalaman awal daripada peringkat rendah mahupun menengah juga menjadi salah satu factor terbesar yang mempengaruhi bacaan al-Quran pelajar di peringkat pengajian tinggi. Ramlan dan Saidin (2021) mendapati pelajar dengan asas bacaan kukuh sejak awal menunjukkan prestasi lebih baik berbanding mereka yang baru belajar di peringkat tinggi.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan, masih terdapat jurang dalam penyelidikan berkaitan pengetahuan dan amalan Hukum Mad. Hasil penelitian di atas, kajian terhadap pengetahuan kurang dikolerasikan dengan amalan dalam bacaan al-Quran seperti kajian Felza Zulhibri Abd Hamid & Nor Hafizi Yusof (2015) dan Fairuz A. Adi et al. (2018) yang menfokuskan tentang teori bacaan Ḥafṣ 'an 'Āṣim. Ini kerana terdapat sebahagian Hukum Mad yang termasuk dalam perbahasan dan perbezaan bacaan pada usul Qiraat seperti Mad *Wajib Muttasil* dan juga Mad *Jaiz Munfasil*. Perbahasan ini juga tidak bersifat menyeluruh kepada semua teori hukum ini.

Manakala, kajian tentang hubungan antara pengetahuan dan amalan pula masih terhad. Kebanyakannya bersifat menyeluruh terhadap semua hukum Tajwid dengan percampuran hukum-hukum Tajwid yang lain seperti hukum *Nun Sakinah* dan *Tanwin*, *Mim Sakinah* dan lain-lain lagi tanpa fokus mendalam kepada hukum ini. Ini kerana Hukum Mad dikira sebagai salah satu hukum asas dalam bacaan al-Quran. Sebagaimana kajian Zainora Daud et al, (2018)

mengukur kaedah bacaan dua Hukum Mad sahaja iaitu *Mad Aşlī* dan *Mad 'Aridh li al-Sukun*, manakala kajian Mohd Hazwan Nor Hashim & abd Rahman Abd Ghani (2025) mengukur kefahaman pelajar terhadap tanda bacaan Mad di dalam al-Quran.

Terdapat juga kajian yang menerapkan aplikasi dengan alat bantu mengajar atau teknologi dalam pendidikan seperti kajian *Magic Disc* (Neni Netriana & Annisaul Khairat, 2022) yang menfokuskan kepada *Mad Iwadh*, *Mad Lin* dan *Mad 'Aridh li al-Sukun*, *Kit Mad 2-Long* (Farhan Arif Jemat et al., 2024) menfokuskan kepada Hukum Mad yang mempunyai kadar dua harkat sahaja seperti *Mad Aşlī* dan *Mad Iwadh*, dan *Cosine* (Munauwarah Munauwarah, 2024) pula menfokuskan kepada *Mad Iwadh* sahaja. Kajian-kajian ini bersifat terpecah kepada sebahagian hukum sahaja dan bukan secara keseluruhan. Oleh itu, penyelidikan lanjut diperlukan untuk menilai keberkesanan integrasi teori dan amalan dalam pengajaran Hukum Mad khususnya dalam konteks institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia terhadap keseluruhan penguasaan Hukum Mad.

Perbincangan dan Analisis

Hasil perbincangan sorotan literatur terdahulu menunjukkan bahawa terdapat beberapa tunjang utama yang perlu diberikan penekanan. Hasilnya dipecahkan kepada tiga pecahan utama yang saling melengkapi iaitu peranan Hukum Mad dalam kesempurnaan bacaan dan ibadah, Cabaran dan realiti penguasaan Hukum Mad dalam Pendidikan Islam serta keperluan integrasi teori dan amalan dalam pembelajaran Hukum Mad. Ketiga-tiga aspek ini perlu dilihat secara berhubung, kerana kefahaman terhadap satu aspek memberi kesan langsung kepada aspek yang lain.

Peranan Hukum Mad dalam Ketepatan Bacaan dan Kesempurnaan Ibadah

Hukum Mad merupakan asas penting dalam ilmu tajwid yang menjamin ketepatan sebutan dan makna ayat al-Quran. Pelaksanaannya bukan sekadar aspek teknikal bacaan, tetapi tuntutan syarak bagi memelihara keaslian lafaz sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Penguasaan hukum ini bernilai ibadah kerana memelihara kesahihan bacaan dalam solat serta mencerminkan adab terhadap kalam Allah SWT. Ibn al-Jazari (1935) menegaskan bahawa Hukum Mad wajib dipelajari oleh setiap Muslim yang membaca al-Quran. Walaupun terdapat perbezaan kadar pemanjangan antara riwayat qiraat, hal ini menunjukkan bahawa Hukum Mad mesti berpaksikan kepada sanad bacaan yang sahih dan bukan sekadar pemahaman teori sahaja, bahkan juga kemampuan aplikasi pemanjangan bacaan berasaskan riwayat dari *tarīq* bacaan al-Quran yang tepat (Fairuz A. Adi et al., 2018). Mengurangi kadar bacaannya adalah termasuk dalam kesalahan yang tersembunyi (*Lahn al-Khafi*), manakala sengaja meninggalkannya adalah termasuk dalam kesalahan bacaan yang jelas (*Lahn al-Jali*) dalam bacaan al-Quran. Justeru, peranan Hukum Mad bukan semata-mata tuntutan bacaan, tetapi juga asas kepada kesempurnaan ibadah. Penegasan untuk menguasai bacaan hokum ini dengan baik sekaligus terkait dengan isu kedua, iaitu realiti kelemahan penguasaan dalam kalangan pelajar walaupun peranannya begitu jelas dan penting.

Cabaran dan Realiti Penguasaan Hukum Mad dalam Pendidikan Islam

Walaupun Hukum Mad diajar secara meluas dalam silibus tajwid, kajian menunjukkan pelajar masih lemah dalam penguasaannya, khususnya ketidakmampuan menghubungkan teori dengan amalan dari aspek amali. Cabaran penguasaan Hukum Mad dalam kalangan pelajar Islam menunjukkan bahawa kelemahan asas bacaan, sebagaimana dibuktikan oleh dapatan Zainora Daud et al. (2018) yang mendapati pelajar memahami hukum tetapi gagal

mempraktikkannya dengan tepat. Selain pengaruh perbezaan latar pendidikan dan keperibadian pelajar juga memberi kesan terhadap tahap penguasaan mereka (Ramlan & Saidin, 2021; Norita Abd Aziz et al., 2021) seperti mengenal pasti simbol dan kategori mad, seperti dalam kajian Aimi Arina & Mohd So'od (2022) mengenai Mad *Far'ī* dan Musabbihin (2022) mengenai Mad 'Iwad. Realiti ini membuktikan wujud jurang antara pengetahuan kognitif dan amalan praktikal.

Dari aspek pedagogi, bahan bantu mengajar yang digunakan masih bersifat terpilih dan tidak menyeluruh; sebagai contoh Magic Disc hanya merangkumi Mad 'Iwad, Mad Layyin dan Mad 'Aridh Lissukun (Netriana & Khairat, 2022), manakala Kit Mad 2-Long hanya memfokuskan mad dua harakat tertentu seperti Mad Silah Qasirah dan Mad Badal (Farhan Arif Jemat et al., 2024). Begitu juga *Cosine* (Munauwarah Munauwarah, 2024). Inovasi teknologi seperti aplikasi Augmented Reality yang membekalkan animasi bacaan Hukum Mad juga hanya meliputi beberapa hukum tertentu (Faisal Reza Pradhana et al., 2023), manakala model pengenalanpastian mad berasaskan SSD MobileNet v2 hanya mengenal pasti *Mad Lin* dan *dan Mad 'Aridh li al-Sukun* (Arrie Kurniawardhani & Ihya Fathurrahman, 2024). Ini menunjukkan jurang bahan tidak komprehensif bagi keseluruhan pecahan Hukum Mad.

Di peringkat kurikulum, penekanan berlebihan terhadap teori berbanding amali menyebabkan pelajar tidak mampu menerapkan kadar pemanjangan mengikut riwayat, sebagaimana dibuktikan dalam kajian Syahazizamir & Fatin Ardani (2024) dan kajian (Ikmal Zaidi & Ahmad Syahir (2022) tentang *Mad Jaiz Munfasil* yang menekankan isu pematuhan riwayat tanpa latihan amali yang mencukupi. Pada masa yang sama turut menunjukkan kekurangan latihan asas yang konsisten menyumbang kepada kelemahan dalam penguasaan hukum ini. Selain itu, bahan pengajaran yang kurang efektif serta persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif turut menjejaskan tahap penguasaan pelajar (A. Sa'dud Darain et al., 2025; Santri Nurul Hinayah, 2024).

Manakala, pada tahap institusi pula, pelajar masih melakukan kesalahan dominan pada mad seperti yang direkodkan oleh Syahazizamir & Fatin Ardani (2024), selain itu, pelaksanaan media inovatif seperti MPQu-Berkah memerlukan sokongan infrastruktur dan kebolehan guru untuk mengoperasikannya secara efektif (Nurliadin et al., 2024). Tambahan pula, latihan guru yang tidak mencukupi menyebabkan kaedah tradisional berterusan digunakan, seperti kes yang dilaporkan Musabbihin (2022) bahawa kaedah ceramah menyebabkan pelajar pasif dan tidak menguasai hukum (Musabbihin, 2022), manakala latihan interaktif seperti yang ditunjukkan melalui Kit Mad 2-Long menunjukkan keberkesanan tetapi belum dibudayakan secara meluas (Farhan Arif Jemat et al., 2024).

Di peringkat sistem pendidikan pula, ketiadaan standardisasi nasional bagi penilaian tajwid menyebabkan wujudnya jurang besar antara sekolah rendah, menengah dan IPT, sedangkan kajian A. Sa'dud Darain et al. (2025) menunjukkan bahawa penggunaan video pembelajaran Hukum Mad mampu meningkatkan kefahaman secara signifikan jika diaplikasikan secara konsisten dalam sistem (A. Sa'dud Darain et al., 2025).

Keseluruhannya, cabaran-cabaran ini memperlihatkan bahawa kelemahan penguasaan hukum ini adalah isu berlapis merangkumi pelajar, guru, pedagogi, kurikulum, institusi dan sistem pendidikan, dan setiap lapisan saling memperkuat antara satu sama lain dalam menentukan keberkesanan penguasaan bacaan al-Quran pelajar di peringkat tertinggi. Kewujudan jurang

antara teori dan amalan yang dikenal pasti ini mengarah kepada keperluan penyelesaian yang lebih menyeluruh, iaitu integrasi kukuh antara kedua-dua aspek dalam proses pembelajaran Hukum Mad.

Keperluan Integrasi Teori dan Amalan dalam Pembelajaran Hukum Mad

Penguasaan Hukum Mad yang sebenar seharusnya mengintegrasikan pengetahuan teori dan amalan (praktikal). Amalan yang tidak tersusun, memberikan impak kefahaman kekal bersifat kognitif dan tidak dapat dizahirkan dalam bacaan yang betul sebagaimana ditegaskan oleh Imam al-Mawardi bahawa bacaan al-Quran hendaklah menurut aturan dan tartil yang sempurna. Kajian Aimi Arina & Mohd So'od (2022) mengenai Mad *Far'ī* membuktikan pelajar yang memahami definisi mad masih gagal menepati kadar pemanjangan yang sah semasa membaca al-Quran, manakala Musabbihin (2022) mendapati perkara sama berlaku dalam penguasaan Mad *'Iwad* apabila murid hanya berjaya pada aspek teori tetapi lemah dalam amali bacaan. Kajian Syahazizamir & Fatin Ardani (2024) turut mengesahkan bahawa kesilapan mad kekal dominan dalam kalangan pelajar universiti akibat kekurangan bimbingan musyafahah yang konsisten, walaupun mereka telah mempelajari hukum tersebut dalam bentuk kuliah iaitu pendedahan secara teori.

Walaupun pendekatan moden lebih menekankan teori, integrasi kaedah tradisional dengan penggunaan teknologi dapat memperkukuhkan proses pembelajaran (Zainora Daud et al., 2018; Norita Abd Aziz et al., 2021), seperti penggunaan teknologi seperti Magic Disc (Netriana & Khairat, 2022), aplikasi AR Tajwid (Faisal Reza Pradhana et al., 2023), Kit Mad 2-Long (Farhan Arif Jemat et al., 2024), sistem pengecaman SSD MobileNet v2 (Arrie Kurniawardhani & Ihya Fathurrahman (2024) dan media MPQu-Berkah (Nurliadin et al., 2024) telah meningkatkan kefahaman pelajar melalui visualisasi dan interaktiviti. Namun, semua inovasi ini mempunyai batasan apabila dinilai dalam kerangka ilmu bersanad. Sebagai contoh, kebanyakan bahan digital tersebut hanya memfokuskan subset hukum mad tertentu dan tidak dapat menggantikan ketelitian penilaian bacaan oleh guru bersanad, terutama dalam menentukan kadar pemanjangan yang tepat. Kajian A. Sa'dud Darain et al. (2025) menunjukkan bahawa video pembelajaran mad mampu meningkatkan kefahaman konsep, tetapi keberkesanan aplikasi bacaan sebenar masih bergantung pada pembetulan langsung oleh guru yang mahir.

Dalam konteks pedagogi Islam, integrasi teori–amalan ini selari dengan prinsip *talaqqi–musyafahah*, iaitu proses pemindahan ilmu bacaan al-Quran secara langsung daripada guru kepada murid yang tidak boleh digantikan sepenuhnya oleh alat teknologi (Yusof et al., 2018). Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* terbukti paling berkesan dalam membantu pelajar menguasai sebutan dan kadar pemanjangan (Hasani Ghazali & Rosmawati Razak, 2023; Muhammad Syukri Zahari et al., 2020; Najihah Musa et al., 2022). Pendekatan ini juga sejalan dengan *konstruktivisme Islamik* yang menekankan pembinaan ilmu melalui interaksi, pengalaman dan bimbingan autoritatif, bukan melalui pemerhatian pasif semata-mata (Dyah Permatasari et al., 2024). Selain itu, keperluan latihan berulang dalam bacaan Hukum Mad memenuhi kerangka *experiential learning*, yang mengutamakan amalan langsung dan pembetulan berasaskan pengalaman sebenar dalam pembelajaran kemahiran (Dwi Noviani, 2019).

Oleh itu, bukti empirikal daripada dapatan kajian serta prinsip pedagogi Islam dan moden menunjukkan bahawa teknologi hanya berperanan sebagai sokongan kepada penguasaan teori, manakala pengesahan dan pemurnian bacaan Hukum Mad tetap memerlukan latihan amali

bersanad melalui talaqqi bersama guru yang berautoriti. Integrasi kedua-dua pendekatan ini adalah asas untuk memastikan penguasaan Hukum Mad yang sahih, konsisten dan berterusan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa Hukum Mad perlu dilihat bukan sekadar sebagai elemen teknikal dalam bacaan al-Quran, tetapi sebagai satu disiplin ilmu yang menyatukan aspek riwayat, teori, praktikal dan ibadah. Penguasaan Hukum Mad yang menyeluruh memerlukan pendekatan pembelajaran yang seimbang antara pengetahuan dan amalan, antara teori dan praktikal. Oleh itu, apabila ketiga-tiga aspek ini iaitu peranan, cabaran, dan integrasi pengetahuan dan amalan dilihat secara keseluruhan, jelas bahawa penguasaan Hukum Mad memerlukan pendekatan holistik bagi memastikan kesempurnaan bacaan al-Quran terus terpelihara.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa Hukum Mad merupakan asas penting dalam Ilmu Tajwid yang menjamin kesempurnaan bacaan serta pemeliharaan makna al-Quran. Kesedaran ini penting bukan sahaja dalam kalangan pelajar pengajian Islam, tetapi juga dalam diri pembaca al-Quran itu sendiri, termasuk juga penggubal kurikulum, pendidik dan institusi yang bertanggungjawab melahirkan generasi celik al-Quran yang berautoriti dalam bacaan al-Quran. Penguasaan hukum ini bukan sekadar kemahiran teknikal, tetapi tuntutan syarak yang berkait rapat dengan kesempurnaan ibadah, ketepatan bacaan dan pemeliharaan kesucian ayat al-Quran secara bersanad. Dapatan sorotan menunjukkan bahawa kelemahan pelajar dalam Hukum Mad berpunca daripada jurang antara pengetahuan teori dan amalan yang dipengaruhi oleh beberapa faktor. Oleh itu, pembelajaran Hukum Mad perlu dilaksanakan secara seimbang antara teori dan praktikal melalui integrasi kaedah tradisional dan teknologi moden. Pendekatan ini mampu membantu untuk memperkukuh penguasaan bacaan dan memastikan keaslian lafaz dan makna al-Quran terus terpelihara. Kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada pendedahan awal terhadap hokum ini serta penyelidikan lanjutan dalam pembangunan pedagogi tajwid yang lebih berkesan di institusi pengajian Islam.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Sabri bin Mohammad atas segala tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan bagi salah satu tajuk dalam kajian saya di peringkat pengajian sarjana mod campuran. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak IJMOE atas penerbitan artikel saya ini serta kepada sesiapa sahaja yang telah membantu menyempurnakannya sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Rujukan

- ‘Abd al-Razak bin Ali Musa. (1997). *Al-Fawa'id al-Tajwidiyyah fi Syarah al-Muqadimah al-Jazariah*. (Cet. 1). T.tp.
- Abdul Qadir Leong. (2017). *Tajwid al-Quran Rasm Uthmani*. Selangor: KHL Printing Co. Sdn. Bhd.
- Ad-Dhobaa', as-S. A. M. (1935). *Ithaf al-Bararah Bi al-Mutun al-'Asyarah : Matan al-Muqodimah al-Jazariyyah li al-Imam Ibn Al-Jazari*. Mesir: Mustafa al-Halabi.
- Ahmad Fathoni. 2009. *Ragam Qiraat Al-Qur'an*. Jurnal Suhuf. Vol. 2. No 1. 53-72. <https://jurnalsuhuf.kemenag.go.id/suhuf/article/view/97/93>
- Ahmad Hanifuddin Ishaq, & Ruston Nawawi. (2017). *Ilmu Tajwid dan Implikasinya Terhadap Ilmu Qira'ah*. QOF, 1(1), 15–24. <https://doi.org/10.30762/qof.v1i1.926>

- Aimi Arina, M. S., & Mohd So'od, C. (2022). Pengetahuan dan penguasaan hukum Mad Far'i dalam kalangan siswa guru Pendidikan Islam IPG Kampus Dato Razali Ismail. Dalam Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan PISMP Ambilan Jun 2019: Penyelidikan Pendidikan Pemangkin Era Kecemerlangan Global (Jilid 1, hlm. 80–99). Seminar Penyelidikan Pendidikan 2022, 31 Oktober – 1 November 2022. Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Dato' Razali Ismail.
- al-Hudri, M. K. (1995). Ahkam Qiraat al-Quran al-Karim (Tahqiq: Muhammad Talhah Bilal et.al., Cet. 1). Mekah: [n.p.]
- al-Marsofiy, A. F. al-S. 'Ajmi. (n.d.). Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari (Cet. ke-2). Kaherah: Maktabah Toyyibah.
- Al-Nawawi, Y. S. (2017). Adab Pembaca Al-Quran. Terj.: Kumpulan Telaga Biru Sdn Bhd (Cet.1). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- al-Qadi, A. F. (2008). Al-Budur al-Zahirah fi al-Qiraat al-'Asyr al-Mutawatirah min Tarīq al-Syatibi wa al-Duri. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Qattan, M. K. (1973). Mabahis fi Ulum al-Quran (Cet. 3). Mansyurat al-Asr al-Hadis.
- al-Zarariy, A. al-W. (1985). Mudkhal ila Ilmu at-Tajwid. (Cet.1). [n.p.]: al-Wakalah al-'Arabiah li al-Tauzi' wa al-Nasr.
- Amiruddin, M. A. A., & Jima'ain, M. T. A. (2024). Level of Quranic tajwid knowledge among Universiti Teknologi Malaysia (UTM) students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 2421–2427.
- an-Nadawi, S. S. (2010). Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafṣ 'an 'Āṣim Melalui Toriq asy-Syaybiyyah (Cet. 2010). Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias dan Zainora binti Daud, Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian di Era Covid-19 Satu Tinjauan Menurut Perkspektif As Sunnah, *Proceedings of the 7 th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*, hlm 422-424.
- 'Athiah Qobil Nasr. (1997). Ghayah al-Murid fi Ilmu at-Tajwid (Cet. ke-6). Jeddah: Maktabah Kunuz al-Ma'rifah.
- Darain, A. S., Sa'diyah, H., Aini, I. N., Juhairiyah, & Anshari, A. (2025). Development of tajweed learning videos in Qur'an Hadith subject to improve students' understanding of mad reading rules at Madrasah Tsanawiyah. *Journal of Islamic Education Research*, 6(3), 331-342. <https://doi.org/10.35719/jier.v6i3.506>
- Darain, A. S., Sa'diyah, H., Aini, I. N., Juhairiyah., & Anshari, A. (2025). Development of tajweed learning videos in Qur'an Hadith subject to improve students' understanding of Mad reading rules at Madrasah Tsanawiyah. *Journal of Islamic Education Research*, 6(3), 331–342.
- Fairuz A. Adi, Ikmal Zaidi Hashim & Shaharuddin Saad. 2018. Bacaan al-Quran riwayat Hafṣ 'an 'Āṣim: Penyusunan tatacara bacaan mengikut tarīq yang betul. 4th International Conference On Islamiyyat Studies (IRSYAD). eISBN: 978-967-2122-53-1. 152-158.
- Farhan Arif Jemat, Noraini Omar, Nurfatimah Anuar, Nurul Safira Abdullah & Alia Farhani Abdul Halim (2024). Kit Mad 2-Long: Meningkatkan penguasaan hukum tajwid Mad dua harakat dalam kalangan murid Tahun 5. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1). eISSN: 3036-003X.
- Hasani, G., & Rosmawati, R. (2023). Penguasaan bacaan al-Quran dan cabarannya dalam kalangan pelajar politeknik. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 1, 51-60. ICBE Publication. e-ISSN: 2785-9479
- Hashim, M. H. N., & Abd Ghani, A. R. (2025). Tahap penguasaan bacaan al-Quran berdasarkan ḍabṭ al-Quran: Satu tinjauan dalam kalangan guru agama. *Jurnal Qiraat*, 8(1), 1–18.

- Ibn al-Jazari, M. M. M. 'A. Y. (1998). *Al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr* (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibn al-Jazari, M. M. M. 'A. Y. (2001). *Al-Tamhid fi Ilm al-Tajwid*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn al-Jazari, M. M. M. 'A. Y. (2009). *Muqaddimah al-Jazariyyah*. Jeddah: Ma'had al-Imam al-Syatibi.
- Ikmal Zaidi, H., & Ahmad Syahir, A. N. (2022). Aplikasi qashr al-munfa'il dalam tilawah al-Quran dari aspek pematuhan al-riwāyah. Dalam M. Fairuz A. Adi, M. L. Abdul Hadi, & R. Zakaria (Eds.), *Isu-isu kontemporari dalam pengajian tahfiz al-Quran & al-Qiraat* (hlm. 174–177). Penerbit FPPI, KUIS.
- Jemat, F. A., Omar, N., Anuar, N., Abdullah, N. S., & Abdul Halim, A. F. (2024). Kit Mad 2-Long: Meningkatkan penguasaan hukum tajwid Mad dua harakat dalam kalangan murid tahun 5. *International Journal of Future Education and Advances*, 1(1), 70–77.
- Khairunisa, Sopiatus Nahwiyah, & Ikrima Mailani. (2023). Pengaruh pemahaman materi ilmu tajwid (pada hukum bacaan Mad) terhadap bacaan al-Qur'an santriwati. *JOM FTK UNIKS*, 3(2), 110–118.
- Kurniawardhani, A., & Fathurrahman, I. (2024). Identifikasi hukum tajwid pada citra teks al-Quran menggunakan SSD MobileNet v2. *Jurnal Informatika: Jurnal Pengembangan IT*, 9(3), 234–241.
- Mahmod 'Ali Baasah. (1992). *Al-'Amid fi 'Ilm al-Tajwid ma'a Syarah Fathu al-Mujid*. Kaherah: Maktabah Azhariah li at-Thurath.
- Muhammad Makki Nashr. (1349H). *Nihayah al-Qaul al-Mufid fi 'Ilm al-Tajwid*. Mesir: Mustafa al-Babiy al-Halbiy.
- Muhammad Syukri Zahari, Amnah Saayah Ismail, Daud Salleh & Muntaha Salleh. 2020. Kepentingan Tajwid Dan Kesannya Terhadap Bacaan Al-Quran. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5*. 351-362. e-ISBN: 978 967 2122 78 4.
- Musabbihin. (2022). Upaya meningkatkan daya serap belajar siswa pada kompetensi memahami ketentuan hukum bacaan Mad 'Iwad melalui metode diskusi di kelas VIII-B MTs NW Karang Baru. *Jurnal Manajemen dan Budaya*, 2(1), 34–40.
- Netriana, N., & Khairat, A. (2022). Pengembangan media pembelajaran Magic Disc menggunakan Adobe Animate CC 21 materi hukum bacaan Mad Iwad, Mad Layyin, dan Mad Arid Lissukun. *Jurnal Kiprah Pendidikan*, 1(4), 310–317.
- Norita Abd Aziz, Mohamad Bazli Md Radzi, Natrah Mat Noor, & Ying-Leng Ling. (2022). Penguasaan bacaan al-Quran menerusi tahsin al-Quran. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal*, 2(1), 51–58.
- Noviani, D. (2019). Innovation for Islamic education instruction through reflective learning. In *Proceedings of the 6th International Conference on Community Development (ICCD 2019)*. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 349, 148–151.
- Nurliadin., Chirzin, M., Arif, M., & Khairudin, M. I. (2024). Enhancing Tajwid skills through Harakah-based learning media: An evaluation of MPQu-Berkah among schoolchildren. *Golden Age: Jurnal Ilmiah Tumbuh Kembang Anak Usia Dini*, 3(1), 1–11.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016, 15 Disember). AL-KAFI #489: Adakah batal solat jika membaca al-Fatihah tanpa tajwid? Diakses 26 Mei 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1040-al-kafi-489-adakah-batal-solat-jika-membaca-al-fatihah-tanpa-tajwid>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2022, 2 Ogos). Irsyad Hukum Siri ke-711: Adakah orang yang meninggalkan solat amalan baiknya yang lain tidak diterima. Diakses 9 September

- 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5363-irsyad-al-fatwa-siri-ke-711-adakah-orang-yang-meninggalkan-solat-amalan-baiknya-yang-lain-tidak-diterima>
- Permatasari, D., Nurdin, N., & Askar, A. (2024). Social constructivism in learning Islamic religious education in state senior high schools in Palu City, Indonesia. *International Journal of Social Science and Human Research*, 7(5), 2882–2889.
- Pradhana, F. R., Musthafa, A., & Putra, F. (2023). Implementasi teknologi augmented reality sebagai media game pembelajaran ilmu tajwid hukum mad berbasis mobile menggunakan metode MDA framework. *J-Icon: Jurnal Informatika dan Komputer*, 11(2), 262–270.
- Sahmat, M. S., & Zamri, F. A. (2024). Enhancing al-Quran reading proficiency in higher education: The implementation of the Focused Mad & Idgham Technique. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 10(1), 72–89.
- Santri Nurul Hinayah. (2024). The Application of Tajweed Science in the Qur'an Learning Process at TPQ Ponpes Sa'adatul Ikhwan NW Rensing. *Journal of Scientific Studies and Multidisciplinary Research*. Volume 1, No 2, 71-77.
- Sumaiyah Ramli, Abdul Hakim Mahadzir & Mohamad Alwi Abdul Rahman. (2022). Kepelbagaian Manhaj Bacaan Al Quran Riwayat Hafs An Asim: Kajian Perbandingan Antara Tariq Al Syatibiyyah dan Tariq Al Hammami. *UniShams: The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC)* Volume 1, Special Issue, 46-59.
- Syahazizamir, Muhammad, & Ardani, Faris. (2024). Enhancing al-Quran reading proficiency in higher education: The implementation of the Focused Mad & Idgham technique. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 10(1), 72–86.
- Wahidah, M., & Nabiroh, K. (2020). Tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam dalam pengajaran tilawah al-Quran. *Proceedings of the InCER 2020: International Conference on Educational Research* (hlm. 432–438). IPG Kampus Pendidikan Islam.
- Yusof, N. H., Razali, M. A., Omar, N., Abdelgelil, M. F. M., & Hamzah, M. S. (2018). Concept and execution of talaqqi and musyafahah method in learning Al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 559–565.
- Zainora Daud, Shahrudin Saad, & Hayati Hussin. (2018). Tahap keberkesanan ilmu tajwid: Analisis terhadap sekolah tahfiz swasta di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2 (Special Issue).
- Zulkarnaini Umar. (2014). *Panduan Ilmu Tajwid Praktis*. Indonesia: UIR Press.